

## SOALAN NO: 135

- (i) menaik taraf 4 ibu sawat di Parlimen Baling di bawah projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) bagi membolehkan perkhidmatan internet sehingga kelajuan 20Mbps dapat disediakan kepada rakyat. Pelaksanaan projek ini telah bermula pada awal tahun 2015 dan akan siap secara berperingkat sehingga penghujung tahun 2019. Sebanyak 2,628 port akan dapat disediakan di Parlimen Baling di bawah projek ini;
- (ii) memperluaskan liputan selular 3G melalui pembinaan menara komunikasi baru selain menaiktaraf liputan 3G di lokasi menara-menara komunikasi sedia ada bagi memberi perkhidmatan jalur lebar mudah alih yang lebih laju dan berkualiti kepada pengguna. Inisiatif ini melibatkan pembinaan 10 buah menara baru dan penaiktarafan di 6 lokasi menara sedia ada di Parlimen Baling yang dijangka akan siap sepenuhnya menjelang akhir tahun 2016;
- (iii) membekalkan perkhidmatan wifi secara *hotspot* dengan kelajuan sehingga empat *megabits per second* (4Mbps) di bawah program WiFi Komuniti (WK) sebagai inisiatif sementara bagi menyediakan jalur lebar kepada komuniti yang tinggal di sekitar Pusat Internet 1Malaysia (PI1M). Di Parlimen Baling, sebanyak 6 WK telah dilaksanakan dan beroperasi manakala 10 WK lagi sedang dalam pelaksanaan; dan
- (iv) penyediaan perkhidmatan *streamyx* sehingga mencecah kelajuan lapan *megabits per second* (8Mbps) di Parlimen Baling.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 16 MEI 2016**  
**[ ISNIN ]**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI**  
**[ KUDAT ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [ KUDAT ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) apakah Kementerian bercadang untuk membina rumah mampu milik di kawasan Daerah Pitas; dan
- (b) bilakah Kementerian berhasrat untuk menambah bilangan rumah di bawah Projek Perumahan Rakyat (PPR) di kawasan Daerah Kudat bagi menangani masalah setingan di daerah ini.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 April 2016 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah membina sebanyak 17,396 unit rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) di negeri Sabah. Di samping itu, sebanyak 440 unit telah diluluskan untuk dilaksanakan di Pitas bermula pada tahun 2016 dan dijadualkan siap pada tahun 2019.

Manakala bagi Skim *MyHome* di negeri Sabah, jumlah projek yang diluluskan adalah sebanyak 5 projek melibatkan 2,260 unit rumah. Walau bagaimanapun, perancangan pelaksanaan Skim *MyHome* ini adalah tertakluk kepada keupayaan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan kepada Kementerian.

(b) Sehingga 30 April 2016, KPKT telah membina sebanyak 500 unit PPR di Daerah Kudat di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8). Pembinaan PPR adalah berdasarkan kepada keperluan kumpulan sasaran iaitu penduduk setingan dan penduduk berpendapatan rendah yang tergolong dalam kategori golongan B40. Oleh yang demikian, KPKT akan meneruskan pelaksanaan PPR di seluruh negara termasuk negeri Sabah sekiranya terdapat permohonan daripada Kerajaan Negeri. Namun begitu, pelaksanaan PPR ini juga tertakluk kepada keupayaan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan kepada Kementerian.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2016